

Pelajar UMSKAL bantu promosi Labuan

UB 9.9.2013 A6

LABUAN: Ahli Parlimen Labuan, Rozman Datuk Isli meminta pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) membantu mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelancongan yang perlu dikunjungi pelancong dari dalam dan luar negara.

Katanya, mereka juga mampu menarik lebih ramai pelancong tempatan dan antarabangsa dengan meuar-uarkan kelebihan dan kekuatan yang terdapat di wilayah kecil ini.

Beliau yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan berharap pelajar, pegawai dan pensyarah yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung serta luar negara akan mempelawa ahli keluarga dan rakan-rakan mereka untuk melawat pulau bebas cukai itu.

"Saya mengharapkan pegawai, pensyarah, kakitangan dan pelajar akan menjadi duta kecil untuk meuar-uarkan Labuan sebagai destinasi pelancongan, pusat membeli-belah, pusat pendidikan dan

tempat untuk berehat kepada ahli keluarga dan rakan-rakan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutupan Minggu Suai Mesra Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sesi 2013/2014 di Dewan Utama universiti itu, malam Sabtu lalu.

Yang turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Timbalannya, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Rushdan Yasoa dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Rozman berkata Labuan yang memiliki kira-kira 100,000 penduduk berbilang agama, bangsa dan budaya kini sedang rancak untuk menjadi hab minyak dan gas yang



ROZMAN (tiga kanan) menerima cenderamata daripada Dr Ismail diperhatikan pegawai kanan UMS Labuan.

terkenal di rantau ini selain pulau bebas cukai serta pusat kewangan antarabangsa.

Katanya, kerajaan pusat telah, sedang dan akan terus memastikan Labuan dan warganya mendapat perhatian dan pembelaan yang sewajarnya dalam arus pembangunan perdana bersama-sama negeri-negeri lain.

Beliau yakin kewujudan UMSKAL sejak Mei 1999 telah

restoran, kraftangan, penginapan, telekomunikasi dan perumahan," katanya.

Malah, katanya, ada juga ahli keluarga yang datang menjenguk anak-anak mereka sekurang-kurangnya sekali dalam setahun sambil membeli-belah barangan terutama coklat, kain, tudung, manik-manik dan ikan serta udang, yang popular di rantau ini.

Selain itu, Rozman meminta pelajar akan membabitkan diri dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti sukan, gotong-royong, acara kebudayaan dan kesenian serta keagamaan.

Katanya, kehadiran pelajar sebagai insan yang berpendidikan tinggi seharusnya digunakan sebaik mungkin termasuk berkongsi ilmu dengan pelajar sekolah rendah dan menengah di Labuan sebagai satu sumbangan yang sukar dilupakan oleh masyarakat tempatan kelak terutama penduduk di 27 kampung di pulau ini.

banyak membantu menjana ekonomi dan memacu industri pelancongan tempatan melalui kehadiran warga universiti terutama yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung serta pelajar dan pensyarah luar negara.

"Kehadiran saudara dan saudari sekalian telah menambah bilangan penduduk Labuan, menambah kuasa beli perniagaan dan perkhidmatan,